جابتن حال إحوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH

SUBUH BERJEMAAH, LANGKAH MENUJU REDHA ALLAH

Tarikh Bacaan:

13 NOVEMBER 2026M / 3 JAMADILAKHIR 1448H

Dibiayai :

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

1. **Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
   Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

2. **YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
   Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang

3. **YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
   Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
   Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

4. **YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
   Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun

5. **YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
   Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
   Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang

6. **YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
   Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
   Universiti Sains Malaysia

7. **YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
   Pendakwah

8. **Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
   Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
   Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

Subuh Berjemaah, Langkah Menuju Redha Allah

13 November 2026M/ 3 Jamadilakhir 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ القائل: وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرۡكَعُواْ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾ سورة البقرة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ، وَهَادِيًا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya, takwa membimbing kita mengutamakan perintah Allah SWT dan menjaga ibadah yang difardukan, termasuk solat Subuh.

Justeru, marilah kita memberikan sepenuh perhatian dan menghayati setiap isi khutbah supaya segala peringatan dan pengajaran yang disampaikan dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **Subuh Berjemaah, Langkah Menuju Redha Allah**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Solat Subuh merupakan ibadah fardu yang besar kedudukannya. Menjaganya, khususnya secara berjemaah, memerlukan kesungguhan dan mujahadah. Ketika suasana masih gelap dan tubuh masih ingin berehat, seorang Muslim yang menyahut azan sedang mendahulukan seruan Allah daripada keselesaan dirinya. Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

بَشِّرِ الْمَشَّائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: *"Berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berjalan dalam kegelapan menuju ke masjid bahawa mereka akan memperoleh cahaya yang sempurna pada hari Kiamat."* (Hadis Riwayat Abu Daud)

Langkah seorang ayah atau suami menuju ke rumah Allah pada waktu Subuh bukan sekadar langkah menuju masjid, bahkan langkah mendidik diri dan keluarganya agar mendahulukan ketaatan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Terdapat beberapa kelebihan solat Subuh yang disebut dalam al-Quran dan as-Sunah. Antaranya:

Pertama: Solat Subuh disaksikan oleh para malaikat.

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam Surah al-Isra', ayat 78:

أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِدُلُوكِ ٱلشَّمۡسِ إِلَىٰ غَسَقِ ٱلَّيۡلِ وَقُرۡءَانَ ٱلۡفَجۡرِۖ إِنَّ قُرۡءَانَ ٱلۡفَجۡرِ كَانَ مَشۡهُودٗا ٧٨

Maksudnya: *"Dirikanlah solat ketika gelincir matahari hingga gelap malam dan (dirikanlah pula solat) Subuh. Sesungguhnya solat Subuh itu disaksikan (keistimewaannya)."*

Kedua: Solat Subuh menguji kesungguhan Iman.

Rasulullah ﷺ bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

"Sesungguhnya, solat yang paling berat bagi orang munafik ialah solat Isyak dan solat Subuh. Sekiranya mereka mengetahui ganjaran yang terdapat pada kedua-duanya, nescaya mereka akan mendatanginya walaupun dalam keadaan merangkak."

Ketiga: Solat Subuh berjemaah mendapat ganjaran seperti beribadah sepanjang malam.

Ini berdasarkan sebuah hadis daripada Saidina Uthman bin Affan رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ,

Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang menunaikan solat Isyak secara berjemaah seolah-olah dia telah beribadah separuh malam, manakala sesiapa yang menunaikan solat Subuh secara berjemaah seolah-olah dia telah mengerjakan solat sepanjang malam."

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Keempat: Orang yang menunaikan solat Subuh berada dalam jaminan dan perlindungan Allah.

Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang menunaikan solat Subuh, maka dia berada dalam jaminan Allah....." (Hadis Riwayat Muslim)

Kelima: Menjaga solat Subuh dan Asar dikaitkan dengan harapan memperoleh nikmat melihat Allah.

Daripada Jarir bin Abdullah RA, beliau berkata: "Kami berada bersama-sama Nabi ﷺ, lalu Baginda memandang ke arah bulan purnama. Kemudian Baginda bersabda:

'Ketahuilah bahawa sesungguhnya kamu akan melihat Tuhan kamu sebagaimana kamu melihat bulan ini, tanpa ada kesulitan dalam melihat-Nya atau keraguan dalam melihat-Nya. Oleh itu, sekiranya kamu mampu untuk tidak mengabaikan diri kamu daripada menunaikan solat sebelum terbit matahari (solat Subuh) dan sebelum terbenamnya (solat Asar) maka lakukanlah...."

Maka, marilah kita menjaga solat-solat ini dengan bersungguh-sungguh, sebagai tanda pengabdian kepada Allah dan pengharapan terhadap nikmat yang paling agung di akhirat kelak. Inilah antara kelebihan solat Subuh yang disebut dalam al-Quran dan as-Sunah. Besar sungguh nikmat apabila Allah mengizinkan kita bangun, berwuduk dan menunaikan solat pada waktu yang penuh keberkatan ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar merumuskan lima perkara untuk kita hayati bersama:

Pertama: Solat Subuh mempunyai kedudukan istimewa sehingga disebut dalam al-Quran sebagai ibadah yang disaksikan.

Kedua: Menjaga solat Subuh berjemaah menuntut mujahadah. Jangan biarkan rasa mengantuk dan keselesaan tidur melemahkan usaha kita untuk istiqamah.

Ketiga: Khabar tentang ganjaran besar dan jaminan Allah menjadi dorongan untuk kita menjaga solat Subuh dengan lebih bersungguh-sungguh.

Keempat: Rancang dan bantulah ahli keluarga membina rutin yang memudahkan mereka menjaga solat Subuh. Tidur lebih awal, saling mengejutkan dan mengerjakannya secara berjemaah.

Kelima: Didik anak-anak lelaki mencintai masjid melalui teladan. Pimpin mereka dengan kesungguhan dan kasih sayang agar kecintaan itu menjadi legasi keluarga.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah al-Mu'minun, ayat 1 – 2:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ۝١ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ۝٢

Maksudnya: *"Sesungguhnya telah berjayalah orang yang beriman. Iaitu orang yang khusyuk dalam solat mereka".*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْم.

Khutbah Kedua

2026M/1448H

الحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْن، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِيْنِ، وَعَلَى اٰلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِيْنَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰه وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِ وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْر، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيْر.

صَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ ومِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوْا اللّٰهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْمَلُوْا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari ini, kita bukan sekadar berkewajipan untuk menunaikan Solat Jumaat tetapi juga mendengar khutbah yang disampaikan kerana ia merupakan salah satu komponen Solat Jumaat. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 25 Mac 1989 telah membincangkan mengenai Solat Jumaat dan Khutbah serta memutuskan seperti berikut :

Pertama: Tidak sah khutbah Jumaat yang tidak diucapkan pujian kepada Allah dan selawat kepada Nabi Muhammad ﷺ, kerana ucapan-ucapan tersebut termasuk dalam rukun khutbah.

Kedua: Tidak sah Jumaat tanpa khutbah Jumaat kedua, kerana satu daripada syarat-syarat sah Jumaat ialah diadakan dua khutbah sebelum sembahyang Jumaat.

Ketiga: Khatib yang terbatal wuduk semasa membaca khutbah hendaklah berhenti membaca khutbah dan membaca semula dari awal khutbah selepas ia berwuduk atau digantikan oleh orang lain membacanya dari awal.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا.

اللَّهُمّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُجَاهِدِيْنَ وَالْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي فَلَسْطِيْن وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُوْرِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن. اللَّهمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوْصًا وِلَايَةَ قُوْلَاو قِيْنَغ آمِنًا مُطْمَئِناً سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَزُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُوْرِنَا لِمَا فِيْهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهتَدِيْنَ صَالِحِيْنَ مُصْلِحِيْنَ وَاشْمَلِ اللَّهمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الجَلاَلَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذٰلِكَ صَاحِبِ الفَخَامَةْ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

"Ya Allah, dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kurniakanlah kepada kami dan keturunan kami hidayah serta kekuatan untuk terus istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan wakaf melalui Wakaf MAINPP.

Ya Allah, rahmatilah para pembayar zakat dan para pewakaf sekalian. Terimalah segala amal kebajikan mereka, berkatilah rezeki mereka, dan jadikanlah sumbangan mereka sebagai amal jariah yang terus mengalir pahalanya serta menjadi bekalan mereka di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memperkasa pengurusan zakat dan wakaf, agar terus menjadi instrumen yang menyantuni golongan yang memerlukan, memperkasa kehidupan ummah dan membina keseimbangan sosioekonomi di negeri yang tercinta ini."

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ! إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ. فَاذْكُرُوا اللَّهَ العَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَصۡنَعُونَ.

جابتن حال إحوال اكام إسلام ڤولاو ڤينڠ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG